

18/06/1998

Bertanggungjawab ketika berhujah: Dr M (HL)

Kamal Ahmad; Bakhari Arif

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan perwakilan Umno supaya bertanggungjawab ketika berhujah pada perhimpunan agung parti itu, walaupun mereka diberi kebebasan untuk membangkitkan sebarang isu.

Presiden Umno itu berkata, jika ada sesuatu yang berlaku berikutan apa yang mereka katakan, mereka mestilah menerima tanggungjawab dan akibatnya.

Ini termasuk jika kenyataan mereka boleh menyebabkan perpecahan parti atau tindakan diambil terhadap orang tertentu akibat hujah yang mereka bangkitkan.

"Ini bukan ugutan. Kita hanya minta perwakilan bertanggungjawab, itu saja. Ada sesetengah orang tidak bertanggungjawab. Dia cakap saja... lepas itu apa yang terjadi kemudian dia kata dia tidak tahu nak jadi macam itu. Itu tidak bolehlah," katanya kepada pemberita selepas memberi taklimat tertutup menjelang perhimpunan itu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, petang ini.

Majlis hampir dua jam itu dihadiri Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, anggota Majlis Tertinggi (MT) serta perwakilan bahagian.

Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno akan diadakan serentak, esok diikuti Perhimpunan Agung Umno, Jumaat ini.

Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata, taklimat itu tidak bertujuan memberi arahan kepada perwakilan mengenai perkara yang seharusnya mereka bangkitkan tetapi hanya menekankan pentingnya setiap perwakilan yang membahaskan isu pada perhimpunan bertanggungjawab terhadap apa yang diperkatakan.

Menurutnya, Umno hanya mahu ahli bertanggungjawab dan sebarang tindakan yang kemungkinan dikenakan terhadap ahli berikutan kesilapan dalam ucapannya, perlu ditanggung sendiri.

"Dia nak cakap, dia boleh cakap tetapi dia kena bertanggungjawab terhadap apa yang dia cakap. Kalau dia kata benda yang tak kena, dan esok orang ambil tindakan, itu dia punya masalah. Kita tak bersangkut.

"Banyaklah orang kata kita nak ugut. Kata orang surat khabar tidak ada kebebasan bercakap di Malaysia. Itu nak kata, katalah.

"Kalau ada bukti tidak mengapalah, dia bertanggungjawablah. Kalau anda nak cakap, mesti ada fakta," katanya.

Beliau menegaskan, selama ini ada pihak membuat pelbagai dakwaan tetapi enggan bertanggungjawab apabila dakwaan berkenaan mencetuskan reaksi tertentu.

Ditanya mengenai kenyataan Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi mengenai nepotisme dan kronisme, Dr Mahathir berkata: "Setiap orang mestilah bertanggungjawab, dan saya fikir beliau bertanggungjawab dan semua orang kena bertanggungjawab. Saya juga bertanggungjawab apa yang saya kata."

Menurutnya, adalah tidak wajar bagi seseorang itu yang telah menggugat parti tetapi kemudian meminta maaf kerana kononnya tidak tahu kesan tindakannya sebelum itu.

Beliau berkata, taklimat itu juga turut menjelaskan salah faham kalangan ahli Umno termasuk mengenai pembangunan yang sesetengahnya dianggap berlaku pilih kasih.

Katanya, apa yang dilakukan oleh kerajaan tidak bertujuan menjadikan semua orang kaya tetapi matlamat tindakan itu ialah memastikan pembahagian strata antara kaum dilakukan secara seimbang.

Ditanya mengenai sama ada perhimpunan kali ini akan membuat ketetapan supaya jawatan presiden dan timbalannya tidak dipertandingkan, beliau berkata: "Terbuka kepada pertandingan ... tetapi jika ada perwakilan mahu tidak ada pertandingan, saya tidak boleh halang, kerana ia lagi tidak demokratik."

(END)